

**SAMBUTAN
MAULIDUR RASUL
BID'AH DHALALAH?**

Sambutan Maulidur Rasul Bid'ah Dhalalah?

Disusun oleh
Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari

Cetakan Pertama:	Mac 2008M/1429H
Cetakan Kedua :	November 2008/1429H
Cetakan Ketiga:	Novemvber 2009/1430H
Cetakan Keempat	April 2012 / 1433H

Hakcipta terpelihara.

ISBN 978-983-3343-34-8

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin daripada pihak penerbit iaitu Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Disemak dan ditashih oleh:
Lujnah Penyemakan dan Pentashih Penerbitan Agama Johor
Diketuai oleh:
Sohibus Samahah Y.B. Dato' Haji Nooh bin Gadot,
Mufti Negeri Johor.

Diterbitkan semula oleh:
Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah,
Majlis Agama Islam Negeri Johor.
Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
80990 Johor Bahru.

Dicetak oleh

Master Gifts Sdn Bhd

**KATA-KATA ALUAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS ADAMA ISLAM JOHOR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Saya bersyukur kehadiran Allah kerana diberi peluang untuk memberikan sepatah dua kata dalam risalah Al-Bayan (penjelasan) sempena sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri tahun 1429 Hijrah.

Dalam usaha kerajaan memantapkan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah, Majlis Agama Islam Johor telah mewujudkan satu Sekretariat Penjelasan Hukum Berkenaan Isu-Isu Akidah dan Syariah mulai tahun 2008.

Penerbitan risalah 'Sambutan Maulidur Rasul Bid'ah Dhalalah?' merupakan sebagai usaha memberikan penjelasan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah mengenai Maulidur Rasul. Kerana sejak akhir-akhir ini timbul dakwaan sambutan Maulidur Rasul yang diamalkan oleh masyarakat Islam selama ini dihukumkan sebagai bid'ah dhalalah (bid'ah yang sesat) dan perlu dielakkan.

Risalah ini diharapkan dapat memeberikan jawapan dan panduan kepada pembaca sekalnan mengenai pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam perkara sambutan Maulidur Rasul. Sekian.

(DATO' HAJI ZALIL BIN BARON)

Ketua Pegawai Eksekutif

Majlis Agama Islam Negeri Johor.

12 Rabiul Awal 1429 / 20 Mac 2008

ISI KNDUNGAN

Bil	Perkara	Hal
1	Kata-kata Aluan	i
2	Isi kandungan	ii
3	Mukadimah	1
4	Tujuan sambutan Maulidur Rasul	2
5	Sejarah sambutan Maulidur Rasul	3
6	Aturcara sambutan	4
7	Fahaman Wahabi	5
8	Dakwaan Wahabi	8
9	Dalil mengharuskan sambutan Maulidur Rasul - dalil pertama	9
10	Dalil kedua	13
11	Dalil ketiga	16
12	Dalil keempat	18
13	Dalil kelima	19
14	Dalil keenam	21
15	Dalil ketujuh	22
16	Dalil kelapan	26
17	Dalil kesembilan	27
18	Dalil kesepuluh	30
19	Dalil kesebelas	32
20	Dalil kedua belas	33
21	Bid'ah	35
22	Pendapat ulama dan buku-buku mengenai Maulidur Rasul	47
23	Gambaran mengenai sambutan Maulidur Rasul	53

BAB 1

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Mukadimah

Sambutan Maulidur Rasul merupakan satu amalan masyarakat Islam untuk memperingati hari keputeraan junjungan besar kita Nabi Muhammad s.aw. Amalan ini dilakukan oleh ulama-ulama silam diwarisi zaman berzaman hinggalah kepada masyarakat Islam hari ini.

Selama ini amalan mengadakan sambutan Maulidur Rasul tidak menjadi apa-apa masalah dan tidak menyebabkan berlakunya perselisihan dan perpecahan dalam masyarakat. Tetapi sejak akhir-akhir ini timbul pandangan yang dijaja oleh pihak tertentu yang memaksa

kita menerima fahaman mereka di mana kononnya sambutan Maulidur Rasul itu adalah bid'ah dhalalah dan bertentangan dengan syarak yang perlu dielakkan.

Golongan ini menguji kekentalan iman penganut Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti halnya golongan Mu'tazilah dahulu membangkitkan masalah Al-Quran itu makhluk, kerana mereka menjadikannya sebagai akidah dan rukun agama.

Untuk tujuan ini, mereka banyak menghabiskan wang ringgit hanya untuk mencetak risalah dan buku-buku mengenai sambutan Maulidur Rasul untuk diedarkan ke seluruh dunia bagi meyakinkan umat Islam kononnya sambutan Maulidur Rasul itu bid'ah dan ditegah oleh syarak melakukannya.

Walau bagaimanapun segala percubaan untuk mengubah pegangan penganut Ahli Sunnah Wal Jamaah itu tidak akan berjaya, kerana mereka mempunyai hujah yang mantap mengenainya menyebabkan semakin bertambah yakin dan mantap serta terus mengamalkan sambutan tersebut pada setiap tahun sebagai pengikut pegangan yang betul dari segi konsep, amalan dan cara sambutan itu dilakukan.¹

¹ Al-Syeid Abi Al-Hasanin Abdullah Al-Husaini Al-Makki Al-Hasyimi dalam kitab Al-Ihtifal bi Al-Maulidur Al-Nabawi Baina Al-Mu'aiyidin wa Al-Mu'aridhin, Munaqasyat wa Rudud, 1997, hal. 7.

Kalau dilihat dari segi pelaksanaan, majlis sambutan Maulidur Rasul merupakan salah satu cara mendekatkan umat Islam kepada ajaran Nabi Muhammad SAW. kerana di dalam majlis ini mengandungi puji-pujian dan selawat kepada baginda Rasulullah SAW, tazkirah dan sebagainya.

Tujuan Sambutan Maulidur Rasul

Asal sambutan Maulidur Rasul itu ialah orang ramai berkumpul beramai-ramai untuk mendengar bacaan Al-Quran, membaca sirah atau ceramah mengenai perjuangan Nabi Muhammad SAW.

Di majlis seperti ini penekanan selalunya diberikan oleh penceramah untuk menghuraikan sirah Nabi SAW, perjuangannya menegakkan agama Allah di Mekah dan Madinah, pengajaran dan contoh teladan yang perlu dijadikan panduan dan amalan. Ini bertujuan untuk memberikan rangsangan dan nasihat yang boleh mendekatkan hamba kepada Tuhannya.

Melalui pertunjuk dan bimbingan yang dibawa oleh Rasulullah SAW itulah umat manusia mendapat pertunjuk daripada kegelapan syirik kepada cahaya iman.

Sambutan Maulidur Rasul bertujuan untuk mengagungkan Nabi Muhammad SAW, dengan melahirkan kegembiraan di atas keputeraan baginda, disamping melahirkan rasa syukur kepada Allah kerana mengutuskan rasul yang memandu mereka ke jalan yang benar dan lurus.

Sambutan ini merupakan satu cara pendidikan secara tidak langsung mengingatkan peranan baginda membawa kebaikan dan kebajikan kepada manusia selain menarik manusia ke jalan kebaikan dan kebajikan² Inilah matlamat sebenar sambutan Maulidur Rasul yang diadakan selama ini.

Sejarah Sambutan Maulidur Rasul

Sambutan Maulidur Rasul diadakan apabila umat Islam sudah tidak ada masa untuk mempelajari dan mendalami Al-Quran serta sudah tidak ramai lagi orang yang memahami sirah Nabi Muhammad SAW dari alim ulama yang soleh.

Berdakwah secara langsung biasanya tidak banyak menarik minat orang ramai terutama generasi muda, lantaran itu menggunakan kaedah secara tidak langsung

² Al-Syeid Abi Al-Hasanin Abdullah Al-Husaini Al-Makki Al-Hasyimi dalam kitab Al-Ihtifal bi Al-Maulidur Al-Nabawi Baina Al-Mu'ayyidin wa Al-Mu'arithin, Munaqasyat wa Rudud, 1997, hal. 49.

lebih berjaya menembusi hati nurani untuk menarik manusia melakukan kebaikan dan kebajikan.³

Oleh yang demikian para pendakwah ketika itu menggunakan sambutan Maulidur Rasul untuk mendekatkan manusia kepada ajaran Nabi Muhammad SAW. Antara negara yang banyak mengadakan sambutan maulid ini selain daripada Mesir ialah Syria, Semenanjung Arab, Musal, Afrika, Maghribi dan Andalusia.

Selepas Salahuddin Al-Aiyubi dapat menguasai Kerajaan Fatimiyah pada tahun 567 Hijrah dan berdepan peperangan salib dengan penjajah, beliau terus mengadakan sambutan Maulidur Rasul sehingga akhirnya Raja Muzafar Abu Said, raja Irbil di bawah pemerintahan Salahuddin (wafat tahun 639 Hijrah) yang berkahwin dengan adik perempuannya juga mengadakan sambutan Maulidul Rasul. Al-Hafiz Ibn Dahyah (wafat tahun 633 Hijrah) ketika pergi ke Irbil tahun 604 Hijrah telah mengarang kitab yang dinamakan 'At-Tanwir fi Maulid al-Basyir al-Nazir' di mana beliau memuji majlis sambutan ini dan memberikan hujah dan dalil mengenainya.

Sambutan Maulidur Rasul ini terus diamalkan di pelusuk negara Islam baik oleh agensi kerajaan, badan berkanun,

³ Ibid, Hal. 55.

pihak swasta mahupun masyarakat Islam bermula sejak tahun 362 Hijrah sehingga ke hari ini dan bentuk sambutannya berubah mengikut peredaran zaman sehingga sebagaimana yang ada sekarang ini.⁴

Aturcara Samabutan

Andainya diteliti kebanyakan aturcara sambutan Maulidur Rasul, kita dapati isi kandungannya terdiri daripada perlara-perkara yang diharuskan oleh syarak, ia dapat disusunkan seperti berikut:

- Majlis dibuka dengan bacaan Al-Quran Al-Karim.
- Bacaan Berzanji dan Marhaban.
- Selawat Nabi.
- Nasyid yang memuji Nabi Muhammad SAW.
- Tazkirah atau ceramah agama.
- Panyampaian hadiah aktiviti kemasyarakatan sekiranya ada.
- Bacaan doa.
- Jamuan.

Inilah aturcara sambutan Maulidur Rasul yang biasa dilakukan di mana-mana di negara kita ini dan kita tidak

⁴ Ibid, hal. 56-57.

membenarkan penganjur membuat sesuatu yang bertentangan dengan syarak.

Tidak ada siapa pun dari kalangan umat Islam yang menolak keharusan kandungan sambutan tersebut. Apa yang mungkin menimbulkan pertikaian ialah bentuk sambutan yang diadakan sekarang dari segi perhimpunan dan bentuk majlis tersebut.⁵ Ini yang akan dijelaskan dalam risalah ini.

Fahaman Wahabi

Fahaman Wahabi menentang penganjuran majlis sambutan Maulidur Rasul. Fahaman ini sedang merebak dalam masyarakat Islam khasnya di negara kita sekarang. Fahaman ini jika tidak ditangani dengan bijak ia akan menjadi punca perselisihan dan perpecahan dalam masyarakat Islam hari ini. Oleh yang demikian, bersempena dengan majlis sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini elok rasanya kalau kita mengenali siapakah pengasas fahaman Wahabi dan latarbelakangnya bagi memudahkan kita menentukan fahaman yang betul dan menepati syariat Islam serta menolak fahaman yang bertentangan.

⁵ Dr. Omar Abdullah Kamil dalam "Kalimah Hammah fi Al-Ihtifal Bi Al-Maulidur Rasul", 2005, Dar Al-Mustaffa Li At-Thab'i wa Al-Nasyr wa Al-Tauzi', hal. 583-584.

Menurut buku 'Kasyfu Al-Syubhat' (كَشْفُ الشُّبُهَاتِ) yang dinukil dari buku 'Iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah' (إِعْتِقَادُ أَهْلِ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ) karangan K.H. Sirajuddin Abas menjelaskan:⁶ Bahawa pengasas fahaman Wahabi ini ialah Muhammad bin Abdul Wahab. Beliau dilahirkan disebuah desa bernama 'Aiyinah' (عَيْنَةَ) pada tahun 1115 Hijrah. Beliau belajar agama daripada bapanya, kerana bapanya adalah seorang ulama terkenal yang menjadi Kadi di negeri 'Aiyinah'.

Setelah mencapai usia dewasa beliau pergi ke Mekah untuk menunaikan haji dan kembali ke Aiyinah sesudah mengerjakan haji. Kemudian beliau datang lagi ke Mekah dan Madinah kali kedua, lama beliau tinggal di Mekah dan Madinah untuk menuntut ilmu.

Katanya; pada kali kedua inilah beliau banyak melihat di Madinah amal-amalan atau ibadat-ibadat orang Islam di hadapan makam Nabi yang berlainan daripada syariat Islam menurut kaca matanya.

Kemudian beliau berpindah ke 'Basrah' dan menyebarkan fatwanya yang ganjil tetapi ia segera diusir oleh pihak berkuasa dan dirwayatkan dari kota Basrah. Kemudian beliau pergi ke 'Hassa' dan berguru dengan

⁶ K.H. Sirajuddin Abas, I'tiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah, hal 401-402.

Syeikh Abdullah bin Abdul Latif, seorang ulama di Hassa ketika itu.

Kemudian beliau berpindah ke 'Harimallah' (حَرِيمَ اللَّهِ) sebuah desa kecil di negeri Najd (kini dikenali dengan Riyadh). Mula-mula beliau menyebarkan fatwanya yang ganjil-ganjil di negerinya sendiri 'Aiyinah' tetapi raja di negeri itu yang namanya Othman bin Ahmad bin Ma'mar pada mulanya menolong beliau tetapi setelah mendengar fatwa-fatwanya itu, lalu mengusir beliau bahkan berusaha untuk membunuhnya.

Kemudian beliau berpindah ke 'Dar'iyah' (دَرْعِيَّةً). Raja di Dar'iyah bernama 'Mohammad bin Suud' menolong Mohammad bin Abdul Wahab dalam menyiarkan fahamannya, maka bersatulah dua orang 'Muhammad' yang berlainan kepentingan, iaitu Muhammad bin Abdul Wahab dan Muhammad bin Suud. Muhammad bin Abdul Wahab memerlukan seorang penguasa untuk membantu penyebaran fahamannya yang baru dan Muhammad bin Suud pula memerlukan ulama yang dapat mengisi rakyatnya dengan ideologi yang keras, demi untuk memperkukuh pemerintahan dan kekuasaannya.

Maka bersatulah antara fahaman agama dengan raja sebagaimana bersatunya fahaman Syiah di Iran dengan

pemerintahan Syah Iran dan bersatunya fahaman Syiah Imamiyah di Yaman dengan Imam yang menguasai Yaman sebelum menjadi republik. Golongan Wahabi mengatakan: bahawa sambutan Maulidur Rasul adalah bid'ah dhalalah (bid'ah yang sesat) yang tidak sewajarnya diamalkan oleh umat Islam.

Dakwaan Wahabi

Dakwaan mereka ini terkandung dalam beberapa buah kitab yang dikarang oleh tokoh-tokoh ulama besar mereka, antaranya:

Soleh bin Fauzan, seorang anggota Majlis Ulama Wahabi menyebutkan dalam kitabnya 'Al-Khitab al-Mimbariyah': Beliau telah melarang penganut Wahabi daripada mengadakan sambutan Maulidur Rasul. Selain daripada itu beliau juga melarang mengadakan sebarang sambutan di bulan Rejab sempena Isra' dan Mi'raj,⁷ mengharamkan sambutan sempena Maal Hijrah⁸ dan membid'ahkan sambutan Maulidur Rasul sempena keputeraan Nabi SAW.⁹

⁷ Saleh bin Fauzan dalam Al-Khitab al-Mimbariyah fi al-Munasabat al-'Asriyah, (1/62).

⁸ Ibid, Jilid (1/228).

⁹ Ibid, (2/124).

Beliau mengutuk golongan yang mengadakan sambutan Maulidur Rasul sebagaimana disebut dalam kitab 'Al-Khitab Al-Mimbariyah' yang dijadikan hujah oleh setengah penceramah mereka dan dijaja ke sana ke mari. katanya:

"Wahai hamba Allah, sesungguhnya bid'ah itu ialah membuat sesuatu yang baru dalam agama, ia mengubah ajaran agama, lantaran itu ia merupakan perkara yang sia-sia menghabiskan masa, menghabiskan wang ringgit, memenatkan tubuh badan, menjauhkan daripada syurga dan mendekati kepada neraka, layak mendapat kutukan dan kemurkaan Allah SWT. Tetapi orang-orang yang bodoh dan sesat tidak memahami hal tersebut, mereka sesat kerana kejahilan mereka, amalan ini bukan mendekati diri kepada Allah malah menjauhkannya dan segala usaha dan penat lelah mereka sia-sia belaka." ¹⁰

Masalah yang dibangkitkan oleh golongan Wahabi di sini ialah melarang sekeras-kerasnya mengadakan sambutan Maulidur Rasul yang di dalamnya diadakan ceramah dan tazkirah mengenai sirah dan perjuangan Nabi sebagai seorang Rasul yang diutuskan oleh Allah SWT kepada manusia. Sedangkan golongan ini sendiri mengadakan muktamar dan sambutan dengan menghabiskan tenaga dan wang ringgit untuk mengingati perjuangan dan kelahiran

¹⁰ Ibid, (1/ 65).

Muhamamad bin Abdul Wahab pengasas fahaman mereka. Mengapa sambutan mengingati Muhamamad bin Abdul Wahab itu sunah hasanah sedangkan menyambut Maulidur Rasul dikatakan sebagai pembaharuan dalam agama yang dihukumkan sebagai bid'ah dhalalah?¹¹

Sejauh mana kebenaran dakwaan golongan Wahabi yang menghukumkan bid'ah dhalalah mengenai sambutan Maulidur Rasul? Untuk tujuan ini mari kita lihat masalah tersebut berdasarkan perspektif Islam melalui panduan Al-Quran dan sunnah.

¹¹ Al-Syeid Abi Al-Hasanin Abdullah Al-Husaini Al-Makki Al-Hasyimi dalam kitab Al-Ihtifal bi Al-Maulidur Al-Nabawi Baina Al-Mu'ayyidin wa Al-Mu'arithin, Munaqasyat wa Rudud, 1997, hal. 8.

DALIL MENGHARUSKAN SAMBUTAN MAULID RASUL DARIPAA AL-QURAN DAN SUNNAH ¹²

DALIL PERTAMA

Perhimpunan para sahabat yang diakui dan diterima oleh Nabi Muhammad SAW.

Diriwayatkan oleh Muslim, Al-Tirmizi dan Al-Nasa'i daripada Mu'awiyah bin Abi Sufian, bahawa Rasulullah SAW datang ke satu majlis perhimpunan para sahabat lalu bertanya:

مَا أَجْلَسَكُم؟ قَالُوا: جَلَسْنَا نَذْكُرُ اللَّهَ وَنَحْمَدُهُ عَلَى مَا هَدَانَا
لِدِينِهِ وَمَنْ عَلَيْنَا بِكَ .. الى أن قال في آخره: أَتَانِي جِبْرِيلُ عَلَيْهِ
السَّلَامُ فَأَخْبَرَنِي أَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُبَاهِي بِكُمْ الْمَلَائِكَةَ .

¹² Dr. Omar Abdullah Kamil dalam Silsilah Mafahim Yajibu An Tusahhik bertajuk 'Kalimah Hadi'ah fi al-Ihtifal bi al-Maulidur Rasul, cetakan Dar al-Mustafa, hal 9-30.

Maksudnya: Kenapa kamu berkumpul? Mereka menjawab: Kami duduk berbincang-bincang mengingati Allah dan memuji-muji-Nya kerana telah memberi pertunjuk kepada agama-Nya dan mengurniakan engkau diutuskan kepada kami, hingga akhir hadis.... Jibril datang kepadaku memberitahu aku sesungguhnya Allah bermegah kepada malaikatnya di atas perhimpunan yang kamu lakukan".

Dalam hadis ini terdapat nas yang jelas bahawa para sahabat berhimpun dalam satu kumpulan berbincang-bincang mengenai pengutusan Rasulullah SAW sebagai satu nikmat kepada mereka. Dalam hadis ini dinyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW memberitahu bahawa Allah SWT sendiri menunjukkan kebanggaannya kepada para malaikatnya di atas amalan membincangkan pengutusan nabi. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW sendiri membolehkan dan mengiktiraf perhimpunan itu sebagai baik mengenai apa yang mereka bincangkan.

Persoalannya, adakah mereka boleh mengetahui bentuk nikmat pemberian Allah SWT itu sekiranya tidak diadakan perbincangan sesama mereka. Melalui perbincangan ini mereka dapat mengetahui isi kandungan ajaran Islam, kelebihan dan kebajikan-kebajikan yang dinikmati oleh umat Muhammad melalui baginda Rasulullah SAW.

Soalnya lagi, adakah terdapat perbezaan antara perhimpunan yang diadakan oleh para sahabat itu dengan perhimpunan untuk mengingati keputeraan Nabi Muhammad SAW yang kita adakan sekarang? Sekiranya tidak ada perbezaan dari segi pengisiannya, jelaslah bahawa dakwaan perhimpunan seperti sambutan Maulidur Rasul tidak pernah dilakukan oleh para sahabat merupakan satu dakwaan yang melulu dan tidak tepat.

DALIL KEDUA

Memuliakan Hari Dan Tempat

Memuliakan hari dan tempat kelahiran setengah nabi-nabi ada disebutkan di dalam Al-Quran dan Hadis.

Al-Quran semasa menceritakan kisah Nabi Isa (a.s) mengungkapkan ucapan selamat sejahtera ke atas para nabi di hari keputeraan mereka sebagaimana firman Allah dalam Surah Maryam ayat 33:

وَالسَّلَامُ عَلَيَّ يَوْمَ وُلِدْتُ

*Maksudnya: Dan selamat sejahtera ke atasku di hari aku diputerakan.*¹³

Dalam hubungan ini, bukankah Nabi Muhammad SAW itu lebih utama diberikan ucapan salam (disambut) pada hari keputeraannya?¹⁴

Mengenai dengan hari disebutkan dalam Surah Ibrahim ayat 5:

¹³ Surah Mariam ayat 33.

¹⁴ Dr. Omar Abdullah Kamil dalam 'Kalimah Hadi'ah fi al-Ihtifal bi al-Maulidur Rasul, cetakan Dar al-Mustafa, hal. 10.

وَذَكِّرْهُمْ بِأَيَّامِ اللَّهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ

Maksudnya: Dan ingatkanlah mereka dengan Hari-Hari Allah". Sesungguhnya yang demikian itu, mengandung tanda-tanda yang menunjukkan kekuasaan Allah bagi tiap-tiap seorang yang kuat bersabar, lagi kuat bersyukur.

Firman Allah lagi dalam Surah Al-Jathiah ayat 14:

قُلْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا يَغْفِرُوا لِلَّذِينَ لَا يَرْجُونَ أَيَّامَ اللَّهِ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang beriman, hendaklah mereka memaafkan (kejahatan dan gangguan) orang-orang yang tidak menaruh ingatan kepada hari-hari (pembalasan yang telah ditentukan) Allah.

Zahir dua ayat di atas menjelaskan bahawa hari-hari di sisi Allah ialah hari bersabar dan syukur, maka apa yang diharapkan daripada hari-hari tersebut ialah keberkatan yang dikurniakan Allah padanya, dan inilah yang dimaksudkan dalam ayat yang kedua.

Bila diteliti firman Allah: (لِلَّذِينَ لَا يَرْجُونَ أَيَّامَ اللَّهِ) Maksudnya: *Orang-orang yang tidak menaruh ingatan kepada hari-hari (pembalasan yang telah ditentukan) Allah; sedangkan Allah*

tidak menyebut (لَا يَرْجُونَ اللَّهَ) Maksudnya: *tidak menaruh ingatan kepada Allah*. Bermakna nikmat yang Allah kurniakan pada hari-hari tersebut. Kerana hari merupakan makhluk Allah yang tidak memberikan manfaat dan mudarat.

Perhatikan firman Allah dalam surah Yunus ayat 58:

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Kedatangan Al-Qur'an itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayangNya, maka dengan isi kandungan Al-Qur'an itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya).*

Bukankah hari keputeraan Nabi Muhammad SAW itu merupakan hari gembira dan rahmat? Baginda bersabda:

(أَنَا الرَّحْمَةُ الْمُهْدَاةُ)

Maksudnya: *Aku pembawa rahmat dan pertunjuk.*

Jika sekiranya kita mengingati hari tersebut, adakah kita melakukan perkara yang dilarang? Sedangkan majlis sedemikian menggalakkan manusia mengasihi Nabi SAW

dengan menceritakan tentang sirah peribadi dan akhlaknya yang mulia.¹⁵

Dalam hubungan ini juga, terdapat hadis mengenainya, umpamanya daripada Syaddad bin 'Uwais, Malaikat Jibril menyuruh Nabi Muhammad SAW solat dua rakaat di Baitul Laham, kemudian Jibril bertanya kepada baginda:¹⁶

أَتَدْرِي أَيْنَ صَلَّيْتَ؟ قَالَ لَا، قَالَ: صَلَّيْتَ بَيْتِ لَحْمٍ
حَيْثُ وُلِدَ عِيسَى

Maksudnya: Tahukah engkau di mana anda bersolat? Baginda menjawab, tidak, lalu Jibril berkata: Anda solat di Baitul Laham di mana tempat Nabi Isa (a.s) dilahirkan.

Dari nas-nas Quran dan hadis-hadis di atas jelas menunjukkan kepada kita bahawa tidak menjadi satu kesalahan memuliakan hari dan tempat untuk diadakan sambutan sebagai mengingati dan menghormatinya, asalkan tujuan mengingati hari dan tempat tersebut tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

¹⁵ Dr. Omar Abdullah Kamil dalam 'Kalimah Hadi'ah fi al-Ihtifal bi al-Maulidur Rasul, cetakan Dar al-Mustafa, hal 10-11.

¹⁶ Diriwayatkan oleh Al-Bazzar, Abu Yu'la dan At-Tabrani, juga Al-Hafiz Al-Haithami dalam Majma' Al-Zawaid, Jilid 1 hal. 47, perawinya dijamin sohih, dinukil riwayat ini oleh Al-Hafiz Ibn Hajar dalam Kitab Al-Fath, Jilid 7 hal. 199 dan di keluarkan oleh An-Nasai Jilid 1 hal.222. Dr. Omar Abdullah Kamil dalam bukunya 'Kalimah Hadi'ah fi al-Ihtifal bi al-Maulidur Rasul, cetakan Dar al-Mustafa, hal 9.

DALIL KETIGA

Kisah Abu Lahab memerdekakan Thuaibah Al-Aslamiyah kerana kegembiraannya dengan keputeraan Nabi Muhammad SAW.

Ibnu Kathir dalam kitabnya 'Al-Bidayah wa Al-Nihayah' mengatakan: Sesungguhnya orang yang mula-mula menyusukan baginda Nabi SAW ialah Thuaibah hamba sahaya Abu Lahab. Beliau telah dimerdekakan oleh Abu Lahab sebaik sahaja diberitahu tentang keputeraan Nabi SAW. Justeru itu manakala adiknya Al-Abas bermimpi beliau begitu sedih sekali selepas meninggal, lalu ditanya: Apa yang engkau temui? Abu Lahab menjawab, aku tidak menemui sesuatu yang baik selepas mati selain aku berada dalam keadaan ini disebabkan aku memerdekakan Thuaibah dalam hidupku.¹⁷

Jika sekiranya inilah yang berlaku kepada mereka yang dicela oleh Al-Quran diringankan azab seksanya kerana

¹⁷ Nas hadith ini terdapat dalam hadith Bukhari dan Muslim. As-Suhaili dan lainnya menyebutkan bahawa Abu Lahab berkata kepada adiknya Al-Abas di dalam mimpi; yang beliau diringankan siksaannya pada setiap hari Isnin. Hadith ini disebutkan dalam Sahih Al-Bukhari dalam Kitab An-Nikah. Ibnu Kathir menyebutkan dalam kitab Sirah An-Nabi, Jilid 1, hal. 124, kitab Maulid An-Nabi, hal. 21 dan dalam kitab Al-Bidayah wa al-Nihayah hal. 272-273.

merasa gembira disebabkan keputeraan Nabi Muhammad SAW, mengapa tidak mereka yang merasa gembira dengan junjungan Nabi SAW sedangkan mereka itu beriman dengan baginda dan meninggal dunia dalam keadaan beriman mengesakan Allah SWT.

Ini juga yang disebut dan diperakukan oleh seorang qari dan ahli hadis Al-Hafiz Syamsudin Ibn Al-Jaziri dalam kitabnya "Urfu al-Ta'rif bi al-Maulidi al-Syarif.

Al-Hafiz Syamsudin bin Nasrudin Al-Dimasyqi dalam kitab 'Maurid al-Sadi fi Maulid al-Hadi' menyebutkan dalam syairnya:

إِذَا كَانَ هَذَا كَافِرًا جَاءَ ذَمُّهُ بَتَّبَتْ يَدَاهُ فِي الْجَحِيمِ مُخْلَدًا
 أَتَى أَنَّهُ فِي يَوْمِ الْإِثْنَيْنِ دَائِمًا يُخَفِّفُ عَنْهُ لِلْسُرُورِ بِأَحْمَدًا
 فَمَا الظَّنُّ بِالْعَبْدِ الَّذِي طَوَّلُ عُمُرِهِ بِأَحْمَدَ مَسْرُورًا وَمَاتَ مُوَحَّدًا

Bermaksud: Jika sekiranya Abu Lahab seorang kafir yang dicela di dalam Al-Quran dengan firman-Nya (celaka apa yang diusahakan oleh Abu Lahab) dia kekal di dalam neraka jahanam.

Pada setiap hari Ismin selalunya diringankan azab siksanya kerana merasa gembira dengan kelahiran Nabi Muhammad SAW.

Bagaimana pula halnya dengan orang yang sepanjang hidupnya, begitu gembira dengan Nabi Muhammad SAW dan beliau mati mentauhidkan Allah SWT.¹⁸

¹⁸ Dr. Omar Abdullah Kamil dalam kitab 'Kalimah Hadi'ah fi al-Ihtifal bi al-Maulidur Rasul, cetakan Dar al-Mustafa, hal 13.

DALIL KEEMPAT

Nabi SAW menyambut hari keputeraannya dengan berpuasa pada hari Isnin.

Imam Muslim telah mengeluarkan hadis sahihnya daripada Abu Qatadah bahawa Rasulullah SAW ditanya mengenai puasa pada hari Isnin: lalu baginda bersabda:

ذَٰكَ يَوْمٌ وُلِدْتُ فِيهِ، وَفِيهِ أُنزِلَ عَلَيَّ

Maksudnya: Hari itu merupakan hari aku diputerakan dan pada hari itu juga diturunkan wahyu ke atasku.¹⁹

Hadis ini berkaitan secara langsung dengan sambutan Maulidur Rasul SAW bukan boleh dikaitkan dengan yang lain, cuma bentuknya sahaja yang berbeza tetapi maksudnya tetap ada sama ada ia dengan berpuasa atau memberi makanan kepada fakir miskin atau berkumpul kerana mengadakan tazkirah mengingati Allah atau berselawat ke atas Nabi SAW.

Sabda Rasulullah SAW ذَٰكَ يَوْمٌ وُلِدْتُ merupakan nas yang mengandungi dua perkara: pertama, nama hari

¹⁹ Muslim, Jilid 2, hal. 819.

tersebut ialah hari Isnin iaitu hari keputeraan baginda setiap tahun pada 12 haribulan Rabiul Awal. Kedua, asalnya hadis ini bersifat umum, ketika itu mafhum hadis secara umum bahawa Nabi SAW menjelaskan sebab baginda berpuasa pada hari keputeraannya ialah untuk melahirkan kesyukurannya kepada Allah SWT di mana ia sebagai cara sambutan hari jadi di zaman itu pada setiap tahun dan pada hari Isnin.²⁰

DALIL KELIMA

Hadis Nabi mengenai baginda SAW berpuasa pada hari 'Asyura.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَدِمَ النَّبِيُّ (ص) الْمَدِينَةَ
 وَجَدَ الْيَهُودَ يَصُومُونَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ، فَسُئِلُوا عَنْ ذَلِكَ فَقَالُوا:
 هُوَ الْيَوْمُ الَّذِي أَظْهَرَ اللَّهُ فِيهِ مُوسَى وَبَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى فِرْعَوْنَ
 ، فَنَحْنُ نَصُومُهُ تَعْظِيمًا لَهُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) نَحْنُ أَوْلَى
 بِمُوسَى مِنْكُمْ وَأَمَرَ بِصَوْمِهِ .

²⁰ Dr. Omar Abdullah Kamil dalam kitab 'Kalimah Hadi'ah fi al-Ihtifal bi al-Maulidur Rasul, cetakan Dar al-Mustafa, hal 13-14.

Maksudnya: Daripada Ibn Abas (r.a) berkata: Semasa Nabi Muhammad SAW datang ke Madinah, baginda mendapati orang-orang Yahudi berpuasa pada hari 'Asyura, lalu ditanya mengenainya, mereka menjawab: Hari itu ialah hari di mana Allah SWT melahirkan kemenangan kepada Nabi Musa dan anak cucu orang Israil ke atas Firaun, maka kami berpuasa pada hari itu sebagai mengingati hari kemenangan. Lalu baginda bersabda 'Kami lebih utama daripada kamu dengan Nabi Musa' lalu baginda memerintahkan para sahabat berpuasa pada hari 'Asyura.

Hadis ini merupakan panduan untuk mengekal dan mengambil berat mengenai pergerakan masa atau zaman. Nabi SAW melihat pertalian antara masa dengan peristiwa bersejarah yang berkaitan dengan agama yang telah berlalu, apabila tiba masa peristiwa tersebut berlaku ia merupakan peluang untuk mengingati, menyambut kedatangan hari tersebut dengan mengagungkannya kerana ia merupakan sebahagian daripada peristiwa yang bersejarah.

Al-Hafiz Ibnu Hajar Al-'Asqalani telah menjadikan hadis ini sebagai dalil keharusan mengadakan majlis sambutan Maulidur Rasul sebagaimana yang beliau fatwakan, di mana telah dipetik oleh Al-Hafiz Imam Al-Sayuti dalam bukunya 'Husnul Maqsadi fi 'Amali al-Maulid' (Tujuan yang baik mengadakan sambutan Maulidur Rasul), katanya: Perbuatan bersyukur kepada Allah SWT itu memberi pengertian ke atas

apa yang telah dikurniakannya pada hari tersebut, sama ada bersyukur ke atas nikmat yang diberikan atau untuk menolak bencana. Perbuatan mengingati peristiwa pada hari tersebut berulang setiap tahun. Bersyukur kepada Allah SWT dapat dicapai melalui pelbagai ibadah seperti solat, berpuasa, bersedekah, membaca Al-Quran dan sebagainya. Bukankah keputeraan Nabi SAW pada hari itu merupakan nikmat yang paling besar?²¹

Nabi SAW berpuasa pada hari 'Asyura sebagai meraikan kemenangan Nabi Musa (a.s) daripada Firaun. Tidak diragukan lagi bahawa kemenangan itulah yang menjadi sebab Nabi berpuasa pada hari tersebut. Daripada peristiwa tersebut ia menjadi tasyri' (amalan) untuk mengingati peristiwa-peristiwa agung dengan mengadakan sambutan dan bergembira dengannya, sedangkan Maulidur Rasul adalah lebih agung dan lebih layak disambut daripada peristiwa yang berlaku kepada Nabi Musa (a.s).²²

²¹ Al-Hawi dalam Kitab Al-Fatawa, Jilid 1 hal. 196.

²² Dr. Omar Abdullah Kamil dalam bukunya 'Kalimah Hadi'ah fi al-Ihtifal bi al-Maulidur Rasul, cetakan Dar al-Mustafa, hal. 16.

DALIL KEENAM

Nabi SAW membuat aqiqah untuk dirinya selepas dilantik menjadi nabi.

Imam Al-Sayuti dalam kitabnya 'Husnul Maqsadi fi 'Amali al-Maulid'²³: Asal berkumpul mengadakan solat Tarawih adalah sunat dan sebagai mendekatkan diri kepada Allah SWT. Justeru itu kami tekankan: Asal berkumpul untuk melahirkan sambutan Maulidur Rasul itu sunat dan untuk mengharapkan keredhaan Allah SWT. Ini tujuan sebenar mengadakan sambutan Maulidur Rasul, ia merupakan niat yang baik tanpa diragukan lagi, maka renung-renungkanlah ia.

Kemudian beliau menambah: Apa yang jelas padaku terdapat petikan daripada sumber lain iaitu apa yang diriwayatkan oleh Al-Baihaqi daripada Anas (r.a):

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَقَّ عَنْ نَفْسِهِ بَعْدَ النَّبُوَّةِ

Maksudnya: Sesungguhnya Nabi SAW membuat aqiqah untuk dirinya selepas baginda dilantik menjadi nabi.

²³ As-Sayuthi dalam Husnul Maqsad fi 'Amali al-Maulid, hal 54-62.

Sebenarnya terdapat dalam hadis bahawa Abdul Mutalib datuknya telah mengaqiqahkan baginda pada hari ketujuh keputeraannya. Aqiqah tidak diulangi pada kali kedua, jadi apa yang dilakukan oleh baginda itu adalah sebagai tanda melahirkan kesyukuran di atas perlantikan baginda sebagai nabi yang menjadi rahmat kepada seluruh alam dan sebagai penghormatan kepada umatnya sebagaimana halnya dengan berselawat ke atas dirinya.

Lantaran itu kita digalakkan melahirkan tanda kesyukuran di hari keputeraan baginda dengan mengadakan majlis perhimpunan beramai-ramai, mengadakan jamuan makan dan sebagainya sebagai cara mengharapakan keredhaan Allah dan melahirkan rasa kegembiraan.²⁴

²⁴ Dr. Omar Abdullah Kamil dalam bukunya 'Kalimah Hadi'ah fi al-Ihtifal bi al-Maulidur Rasul, cetakan Dar al-Mustafa, hal. 17-18.

DALIL KETUJUH

Nabi Muhammad SAW ada menjelaskan mengenai kelebihan hari Jumaat dengan sabdanya:

وَفِيهِ خُلِقَ آدَمُ

Maksudnya : *Dan padanya (hari Jumaat) diciptakan Nabi Adam (a.s).*²⁵

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh An-Nasa'i dan Abu Daud dengan sanad yang sahih, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مِنْ أَفْضَلِ أَيَّامِكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فِيهِ خُلِقَ آدَمُ وَفِيهِ قُبِضَ وَفِيهِ
النَّفْحَةُ وَفِيهِ الصَّعْقَةُ فَأَكْثَرُوا عَلَيَّ مِنَ الصَّلَاةِ فِيهِ فَإِنَّ صَلَاتَكُمْ
مَعْرُوضَةٌ عَلَيَّ .

Maksudnya: Sesungguhnya hari yang paling afdhal ialah hari Jumaat kerana pada hari itu diciptakan Nabi Adam (a.s), pada hari itu baginda dibentukkan rupanya, pada hari itu ditiupkan roh dan pada hari itu dimatikan, lantaran itu

²⁵ Dikeluarkan oleh Imam Malik dalam kitabnya Al-Mutha' Jilid 1 hal. 108 dan At-Tirmizi bil. 491 dan dikatakan hadith Hasan Sohih.

perbanyakkanlah berselawat kepadaku kerana selawat kamu itu akan dibawa kepadaku kelak.

Sesungguhnya dimuliakan hari Jumaat kerana diciptakan Nabi Adam (a.s) di mana baginda adalah asal usul manusia, dari keturunannya lahirlah pada nabi dan para wali dan orang-orang yang soleh termasuk Nabi Muhammad SAW.

Kemuliaan hari Jumaat bukan sahaja tertentu pada harinya tetapi ia khusus kerana diciptakan Nabi Adam (a.s) dan makhluk sejenisnya secara umum walaupun berlaku berulang kali, begitulah halnya kemuliaan hari Jumaat iaitu mensyukuri nikmat Allah mengenai kejadian tersebut.

Dikiaskan sambutan Maulidur Rasul SAW dengan hari Jumaat kerana sebab berlakunya peristiwa tersebut adalah serupa. Malahan alasan hari keputeraan Nabi Muhammad SAW adalah lebih kuat lagi kerana kalaulah di zaman itu manusia memuliakan kelahiran Nabi Adam (a.s) apa lagi zaman kelahiran Nabi SAW sebagai kesudahan para nabi dan rasul. Kelahiran Nabi Muhammad SAW sudah tentulah lebih afdhal lagi untuk disambut dan disyukuri sebagaimana disebutkan dalam hadis Imam Muslim bermaksud:

أَنَا سَيِّدُ وَوَلَدِ آدَمَ وَلَا فَخْرَ

Maksudnya: Aku penyudah nabi dari kalangan anak Adam dan aku tidak pernah beemegah.

Setelah Nabi Muhammad SAW menjelaskan mengenai sebab kelebihan hari Jumaat, baginda menyarankan supaya banyak berselawat ke atasnya dan menjelaskan bahawa ia merupakan kelebihan baginda.

Ini merupakan nas suruhan untuk mengadakan sambutan mengingati hari kelahiran kepada semua orang dengan mengambil contoh kisah kelahiran Nabi Adam (a.s), lantaran itu lebih utama mengadakan sambutan Maulidur Rasul kepada junjungan kita Nabi Muhammad SAW dengan banyak berselawat kepada baginda SAW.

Dalam hubungan ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari²⁶ dan lainnya daripada Omar Al-Khattab (r.a) katanya:

أَنَّ رَجُلًا مِّنَ الْيَهُودِ قَالَ لَهُ: يَا أَمِيرُ الْمُؤْمِنِينَ، آيَةٌ فِي كِتَابِكُمْ،
لَوْ عَلَيْنَا مَعَشَرَ الْيَهُودِ نَزَلَتْ لَاتَّخَذْنَا ذَلِكَ الْيَوْمَ عِيدًا. فَقَالَ:

أَيُّ آيَةٍ؟ قَالَ:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي

وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا

²⁶ Kitab Al-Fath Jilid 8, hal. 270.

Bermaksud: Bahawa seorang lelaki Yahudi berkata kepadanya, wahai Amirul mukminin, apakah bukti dalam kitab kamu, sekiranya kami golongan orang Yahudi turun (menetap) nescaya kami menjadikan hari itu sebagai hari kebesaran, lalu dia bertanya, apa ayatnya? Omar berkata dalam surah Al-Maidah ayat 3: bermaksud: Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.

Lalu Omar berkata: Sesungguhnya aku akan memberitahu hari dan tempat ayat ini diturunkan iaitu semasa Rasulullah SAW berada di Arafah pada hari Jumaat.

Imam Al-Tirmizi mengeluarkan hadis daripada Ibn Abas yang serupa dan berkata padanya:

نُزِلَتْ فِي يَوْمِ عِيدٍ مِنْ يَوْمِ جُمُعَةٍ وَيَوْمِ عَرَفَةَ

Maksudnya: Diturunkan pada hari raya haji iaitu hari Jumaat sedangkan hari itu adalah hari Arafah.

Imam Al-Tirmizi mengatakan ia adalah hadis sahih.²⁷ Dalam hadis ini saiyidina Omar Al-Khattab (r.a) bersetuju menjadikan hari di mana berlakunya sesuatu nikmat yang besar itu sebagai hari raya, kerana masa itu mengisi sesuatu

²⁷ At-Tirmizi Jilid 5 hal. 250.

kejadian yang besar sekalipun beliau mengetahui bahawa Nabi SAW tidak menjadikan hari turunnya ayat itu sebagai hari raya.²⁸

²⁸ Dr.Omar Abdullah Kamil dalam kitab 'Kalimah Hadi'ah fi al-Ihtifal bi al-Maulidur Rasul, cetakan Dar al-Mustafa, hal 18-21.

DALIL KELAPAN

Allah SWT menjelaskan di dalam Al-Quran mengenai kisah nabi-nabi di antaranya kisah keputeraan Nabi Yahya, Mariam dan Nabi Isa (a.s).

Allah menekankan peristiwa ini semua supaya disematkan ke dalam hati Nabi SAW. Allah berfirman dalam surah Hud ayat 120 :

وَكُلًّا نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ

Maksudnya: Dan tiap-tiap berita dari berita rasul-rasul itu, Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya.

Jika sekiranya kisah para nabi-nabi itu dapat menguatkan hati, maka kisah keputeraan Rasulullah SAW lebih utama dan lebih dapat mengukuhkan hati dan keyakinan.

Kita amat memerlukan bagaimana caranya menguatkan hati kita daripada Rasulullah SAW. Dalam hubungan ini ada di antara mereka mengatakan:

Setiap peristiwa kami (Allah) ceritakan kepadamu berita-beritanya, bagi mengukuhkan hatimu untuk mengingatku. Maka selain daripadanya lebih utama untuk menguatkan hatinya. Dan memujinya itu lebih baik untuk menjadi lambang keagungan.²⁹

²⁹ Dr. Omar Abdullah Kamil dalam *Kalimah Hammah fi Al-Ihtifal Bi Al-Maulid*, 2005, Dar Al-Mustaffa Li At-Thab'i wa Al-Nasyr wa Al-Tauzi', hal.597-596.

DALIL KESEMBILAN

Sambutan Maulidur Rasul sebagai pendekatan untuk melakukan banyak kebajikan dan ketaatan.

Sambutan Maulidur Rasul banyak mengandung perkara-perkara yang baik seperti berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW, tazkirah, bersedekah, memuji dan mengagungkan Nabi, menceritakan keturunan dan sirah baginda yang mulia, kesemuanya ini dituntut oleh syarak dan disuruh.

Apa juga yang mendorong dan membawa kepada apa yang dituntut oleh syarak ia adalah dituntut. Lantaran itu Allah SWT memberitahu bahawasanya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maksudnya: Sesungguhnya Allah dan malaika-tNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW.); wahai orang-orang yang

beriman, bersalawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.

Dalam hubungan ini, terdapat hadis yang menggalakkan ibu bapa supaya mendidik anak-anak mereka dengan menekankan tiga perkara utama iaitu kasihkan Allah, kasihkan Nabi dan ahli keluarganya serta Al-Quran sebagaimana sabda Nabi SAW.:

عَلِّمُوا أَوْلَادَكُمْ بِثَلَاثَةِ حِصَالٍ:
حُبَّ اللَّهِ، وَحُبَّ نَبِيِّهِ وَأَهْلِ بَيْتِهِ، وَقِرَاءَةَ الْقُرْآنِ.

Maksudnya: Ajarlah anak-anak kamu dengan tiga perkara utama iaitu: Cintakan Allah, cintakan Nabi SAW dan keluarganya dan cintai Al-Quran.

Al-Hafiz Ibnu Kathir dalam tafsirnya menjelaskan: Maksud ayat ini ialah Allah memberitahu manusia bahawa Allah sendiri dan para malaikat berselawat kepada Nabi SAW. Oleh kerana itu Allah memerintahkan manusia berselawat ke atas Nabi SAW agar pujian itu bercantum antara manusia di dunia dan para malaikat.³⁰

Terdapat dalam hadis bahawa Rasulullah SAW memuji dirinya dan para nabi yang lain, baginda memang

³⁰ Ibnu Kathir, Tafsir Ibn Kathir, Jilid 3, hal. 506.

menyukainya dan para sahabat melakukannya di hadapan Nabi, baginda redha dengannya dan mendoakan mereka yang memuji dan memohonkan ganjaran kepadanya.³¹

Diriwayatkan daripada Imam Ahmad dan Ibn Abi Syaibah dan Al-Tabrani dalam kitab Ma'jam Al-Kabir daripada Al-Aswad ibn Sari' katanya:

قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ: مَدَحْتُ اللَّهَ بِمَدْحَةٍ ، وَمَدَحْتُكَ بِمَدْحَةٍ ،
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) هَاتِ وَأَبْدَأْ بِمَدْحَةِ اللَّهِ .

Maksudnya: Aku bertanya kepada Rasulullah SAW, aku memuji Allah dengan pujian dan aku memujimu dengan pujian, baginda Rasulullah bersabda: Mari dan mulakan pujian itu dengan memuji Allah.

Pujian kepada Rasulullah SAW datangnya daripada beberapa orang sahabat. Dalam hubungan ini Imam Ahmad mengeluarkan dalam Masnadnya, dan Ibn 'Asakir dalam sejarah Mukhtashar Ibn Mandzur, daripada Abdullah bin Rawahah berkata:³²

وَفِينَا رَسُولُ اللَّهِ يَتْلُو كِتَابَهُ — إِذَا انْشَقَّ مَعْرُوءُفٌ

³¹ Dr. Omar Abdullah Kamil, kitab 'Kalimah Hadi'ah fi al-Ihtifal bi al-Maulidur Rasul, cetakan Dar al-Mustafa, hal. 24.

³² Ahmad dalam al-Musnad (3/451). Ibn 'Asakir dalam al-Tarikh (Ringkasan Ibn Manzur (12/158).

أَرَأَيْنَا الْهُدَىٰ بَعْدَ الْعَمَىٰ فَقُلُوبُنَا - بِهٖ مُّوَقِّنَاتٌ أَنْ مَا قَالَ وَاقِعٌ
 يَبِيْتُ يُجَافِي جَنْبَهُ عِنْدَ فِرَاشِهِ - إِذَا اسْتَشَقَلَّتْ بِالْكَافِرِينَ الْمَضَاجِعَ

Maksudnya: Bersama kita Rasulullah SAW membacakan kitabnya – apabila (insyaqqa) diketahui daripada fajar yang menyinari Kami melihat pertunjuk setelah hati kami buta – lalu meyakini bahawa apa yang disampaikan itu adalah betul Baginda tidak begitu lena tidurnya – kerana banyak memikirkan keadaan orang-orang kafir.³³

³³ Dr. Omar Abdullah Kamil dalam bukunya 'Kalimah Hadi'ah fi al-Ihtifal bi al-Maulidur Rasul, cetakan Dar al-Mustafa, hal. 25.

DALIL KESEPULUH

Firman Allah SWT dalam surah Yunus ayat 57:

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا تَجْمَعُونَ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Kedatangan Al-Qur'an itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayang-Nya, maka dengan isi kandungan Al-Qur'an itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpulkan (dari segala benda dan perkara yang tidak kekal)".

Pada asalnya ayat ini dimaknakan dengan umum ayat, antara jumlah ayat yang umum ialah (وَبِرَحْمَتِهِ) ini dibuktikan dengan firman Allah dalam surah Al-Anbiya' ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Maksud rahmat di sini ialah Nabi Muhammad SAW. Ini merupakan jenis tafsiran yang paling kuat, kerana tafsir Al-Quran dengan Al-Quran itu lebih diutamakan oleh ulama tafsir berbanding mentafsirkan Al-Quran dengan apa yang didapati daripada para sahabat dan tabien (mentafsirkan Al-Quran dengan hadis).

Ada juga yang mentafsirkan ayat di atas seperti berikut. Dalam kitab Al-Dar al-Manthur oleh al-Hafiz Al-Sayuti³⁴ diriwayatkan daripada Abu Al-Syeikh daripada Ibn Abas (r.a) dalam ayat tersebut mengatakan: Yang dimaksudkan dengan limpah kurnia Allah itu ialah ilmu pengetahuan dan yang dimaksudkan dengan rahmatnya itu ialah Nabi Muhammad SAW. Ini berdasarkan firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Al-Alusi dalam kitabnya Ruh al-Ma'ani³⁵ mengenai ayat:

فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا

Ayat ini merupakan penguat dan pengukuh (ta'kid dan taqirir), setelah dipastikan rahmat yang disebutkan dalam ayat ini ialah Nabi Muhammad SAW. Tambahnya lagi,

³⁴ Al-Hafiz Al-Sayuthi dalam kitab Ad-Dar Al-Manthur, Jilid 4, hal. 367.

³⁵ Al-Alusi dalam kitab Ruhul Ma'ani, Jilid 10, hal. 141.

pendapat yang masyhur ialah menyifatkan Nabi SAW sebagai rahmat berdasarkan firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ³⁶

Ibni Al-Jauzi dalam tafsirnya³⁷ telah memetik lapan (8) pendapat mengenai makna rahmat dalam ayat tersebut. Pendapat yang ketiga mengenai makna limpah kurnia (الْفَضْل) dan rahmat (الرَّحْمَةُ) ialah bahawa limpah kurnia itu ialah ilmu pengetahuan dan rahmatnya ialah Nabi Muhammad SAW, ini diriwayatkan oleh Al-Dhahhaq daripada Ibnu Abas.

Daripada ayat tersebut menjadi bukti bahawa bergembira (al-farah) dengan Maulidur Rasul adalah dituntut daripada setiap muslim dan diberikan ganjaran, sebagaimana kisah Abu Lahab diringankan azabnya kerana begitu gembira di atas kelahiran Nabi SAW lalu memerdekakan hambanya Thuaibah al-Aslamiyah.³⁸

³⁶ Surah Al-Anbiya' ayat 107, lihat Tafsir Abi Al-Su'ud Jilid 4, hal 156.

³⁷ Ibnu Al-Jauzi dalam Tafsir Ibnu Al-Jauzi, Jilid 4 hal. 40.

³⁸ Dr. Omar Abdullah Kamil dalam 'Kalimah Hadi'ah fi al-Ihtifal bi al-Maulidur Rasul, cetakan Dar al-Mustafa, hal. 29.

DALIL KESEBELAS

Sambutan Maulidur Rasul bukan satu ibadah yang ditetapkan (taufiqiyah) ia merupakan usaha menghampirkan diri kepada Allah yang diharuskan.

Sambutan Maulidur Rasul merupakan satu perkara biasa yang tidak lebih boleh dikatakan harus oleh syarak. Disebabkan sambutan Maulidur Rasul mengandungi perkara-perkara yang menghampirkan diri kepada Allah SWT maka ia dikira sebagai qurbah (menghampirkan diri kepada Allah).

Sekiranya sambutan Maulidur Rasul itu sebagai ibadat, sudah tentulah ia mempunyai bentuk tertentu dan nas tertentu, sedangkan amalan Maulidur Rasul ia berbeza dari segi bentuk dan pelaksanaannya dari satu tempat dengan yang lain.

Ingin ditegaskan di sini bahawa melakukan perkara yang harus disertai dengan niat taat kepada Allah seperti mengamalkan zikir, istighfar, selawat nabi, mengkaji sirah nabawi, memuji Nabi SAW ia merupakan satu cara mendekati diri kepada Allah dan diberikan pahala pengamalannya, insya Allah. Ini dibuktikan oleh nas yang jelas di mana Rasulullah SAW bersabda:

وَفِي بُضْعِ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ ، قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّتِي أَحَدُنَا
 شَهْوَتُهُ وَيَكُونُ لَهُ فِيهَا أَجْرٌ؟ قَالَ: أَرَأَيْتُمْ لَوْ وَضَعَهَا فِي حَرَامٍ
 أَكَانَ عَلَيْهِ وَزْرٌ؟ فَكَذًا إِذَا وَضَعَهَا فِي الْحَلَالِ كَانَ لَهُ أَجْرٌ .

Maksudnya:

Kamu melakukan persetubuhan dengan isteri kamu ia adalah sedekah, mereka bertanya: Wahai Rasulullah, adakah seseorang yang melepaskan runtunan nafsunya dia beroleh pahala? Baginda bersabda: Kamu tahu tak, sekiranya dia melakukan pada perkara yang haram, adakah dia berdosa? Demikianlah halnya jika di melakukan pada perkara yang halal dia mendapat pahala.

Ibn Hajar berkata: Imam Al-Nawawi mengambil hukum daripada contoh ini iaitu sesuatu perkara sekiranya menepati hukum yang betul sudah tentulah mendapat pahala, kerana menyuap sesuatu ke mulut isteri biasanya berlaku semasa bercumbu-cumbuan, sudah tentulah jelas ada rangsangan seksual.

Walaupun begitu jika tujuannya kerana mengharapkan pahala, ia berhasil dengan izin Allah. Jika perkara sebegini yang melibatkan runtunan nafsu diberi pahala apa lagi perkara yang tidak melibatkan runtunan nafsu langsung.³⁹

³⁹ Dr. Omar Abdullah Kamil dalam 'Kalimah Hammah fi Al-Ihtifal Bi Al-Maulid, 2005, Dar Al-Mustaffa Li At-Thab'i wa Al-Nasyr wa Al-Tauzi', hal. 606.

DALIL KEDUA BELAS

Dr. Said Ramadhan Al-Buthi dalam pengantar bukunya mengenai ayahandanya Syeikh Mula Ramadhan dalam kitabnya bernama (هَذَا وَالِدِي) Ini Ayahku⁴⁰ menjelaskan mengenai sikap ayahandanya mengenai sambutan Maulidur Rasul, katanya:

Beliau sering menghadiri majlis sambutan Maulidur Rasul yang tidak mengandungi sebarang perkara yang mungkar atau bid'ah sama ada dalam bentuk amalan dan percakapan. Amalan ini mengikut pendapatnya sebagai majlis zikir yang diharuskan oleh Rasulullah SAW dan ini dilihatnya termasuk dalam erti kata maksud hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dalam sahihnya:

لَا يَقْعُدُ قَوْمٌ يَذْكُرُونَ اللَّهَ تَعَالَى إِلَّا حَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَغَشِيَتْهُمُ
الرَّحْمَةُ وَنُزِلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ تَعَالَى فِيمَنْ
عِنْدَهُ

Maksudnya: Mana-mana kaum yang berkumpul kerana mengingati Allah melainkan dilindungi oleh para malaikat,

⁴⁰ Dr. Said Ramadhan Al-Buthi dalam kitab Haza Walidi, hal 122-124.

diliputi rahmat dan diturunkan sakinah ke atas mereka, dan Allah sentiasa mengingati mereka yang ingatkannya.

Hadis ini menjadi dalil mengenai kelebihan berhimpun untuk zikrullah atau mengingati Allah SWT. Jadi tidak syak lagi bahawa berhimpun untuk berselawat dan memuji dan mendoakan Nabi SAW sebahagian daripada berzikir kepada Allah.

Tetapi jika sekiranya di dalam majlis ini terdapat perkara-perkara yang dilarang seperti percampuran bebas antara lelaki dan perempuan ajnabi atau mempersembahkan nasyid yang liriknya bercanggah dengan syarak dan akhlak Islamiyah, maka hukumnya dirujuk kepada kaedah syarak iaitu: Meninggalkan perkara yang merosakkan itu lebih diutamakan daripada mengharapkan faedahnya.⁴¹

⁴¹ Al-Syeid Abi Al-Hasanin Abdullah Al-Husaini Al-Makki Al-Hasyimi dalam kitab Al-Ihtifal bi Al-Maulidur Al-Nabawi Baina Al-Mu'ayyidin wa Al-Mu'arithin, Munaqasyat wa Rudud, 1997, hal. 43-44.

BAB 2

BID'AH

Mukadimah

Mereka yang menentang orang-orang yang mengadakan sambutan Maulidur Rasul mendakwa bahawa amalan itu adalah bid'ah yang direka-reka, dan setiap bid'ah itu sesat.

Lantaran itu perlu dihuraikan sejelas-jelasnya masalah bid'ah ini dan menjelaskan apakah perkara-perkara yang boleh dihukumkan bid'ah dan perkara-perkara yang tidak boleh dihukumkan dengan bid'ah yang menyesatkan.

**Pertama:
Makna Bid'ah dan Pembahagiannya.**

Ibn Athir dalam kitab 'Al-Nihayah' menjelaskan mengenai makna bid'ah dan pembahagiannya, katanya:

Bid'ah itu terbahagi kepada dua, iaitu bid'ah huda (pertunjuk) dan bid'ah dhalal (sesat). Apa juga yang bertentangan dengan perintah Allah dan Rasul-Nya maka ia tergolong perkara yang dikeji dan ditolak.

Manakala apa juga yang tergolong di bawah skop perkara-perkara yang diharuskan dan digalakkan oleh Allah dan Rasul-Nya maka ia tergolong perkara yang dipuji dan disukai.

Perkara yang tidak ada contoh yang nyata seperti pemurah, baik hati dan perbuatan yang makruf maka ia merupakan perbuatan yang baik dan ia tidak boleh dihukumkan berlainan dengan apa yang dijelaskan oleh syarak. Kerana Nabi SAW telah menjelaskan perkara seumpama itu mendapat pahala dengan sabdanya:

مَنْ سَنَّ سَنَةً حَسَنَةً كَانَ لَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا

Maksudnya: Sesiapa yang mempelopori atau membuat sesuatu sunnah yang baik dia mendapat pahala dan pahala orang yang melakukan perkara yang serupa.

Dan baginda Nabi SAW bersabda pada perkara yang sebaliknya:

مَنْ سَنَّ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا

Maksudnya: Sesiapa yang mempelopori atau membuat sesuatu sunnah yang buruk dia mendapat dosa dan dosa orang yang melakukan perkara yang serupa. Iaitu jika ia melakukan perkara yang bertentangan dengan apa yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

Dalam hubungan ini Saiyidina Omar (r.a) berkata: Senikmat-nikmat bid'ah ialah yang ini (Solat Tarawikh berjemaah). Perbuatan baik yang baru diadakan dinamakan bid'ah sekalipun mendapat pujian. Kerana Nabi SAW tidak memerintahkan kepada para sahabat solat Tarawih, sedangkan Rasulullah SAW melakukannya pada waktu malam, kemudian ditinggalkannya dan baginda tidak begitu memberikan tumpuan kepadanya seterusnya tidak meminta orang ramai berkumpul melakukannya.

Perkara ini bukan berlaku di zaman pemerintahan Abu Bakar tetapi di zaman pemerintahan Saiyidina Omar, beliau menyuruh orang ramai berkumpul dan menggalakkan

Sambutan Maulidur Rasul SAW

mereka melakukannya secara berjamaah, lantaran itu dinamakan bid'ah sedangkan hakikatnya ialah sunat. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

عَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ مِنْ بَعْدِي

Maksudnya: Kamu hendaklah mengikut sunnahku dan sunnah para khalifah al-rasyidin selepasku.

Dan Sabdanya:

اَقْتَدُوا بِالَّذِينَ مِنْ بَعْدِي أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ

Maksudnya: Ikutilah petunjuk mereka selepasku iaitu Abu Bakar dan Omar.

Berdasarkan takwil ini, terdapat hadis yang lain iaitu:

كُلُّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ

Maksudnya: Setiap yang baru itu adalah bid'ah.

Dimaksudkan, yang bid'ah itu ialah apa juga yang bertentangan dengan asal syarak (al-Quran) dan tidak menepati sunnah.⁴²

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan seperti berikut:

⁴² Ibn Athir dalam Kitaab An-Nihayah, Jilid 1, hal. 106.

Pertama:

Bid'ah itu ada 2 jenis, seperti berikut :

- a) Bid'ah Huda: iaitu apa yang diberitahu mengenainya oleh Nabi SAW dengan sabdanya:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا
مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ .

*Maksudnya: Sesiapa yang mempelopori atau membuat sunnah yang baik dalam Islam lalu diamalkan selepasnya, maka baginya pahala dan pahala orang yang melakukan selepasnya tanpa mengurangkan pahalanya sedikit pun.*⁴³

Nabi SAW menyebutkan bid'ah sebegini dengan nama bid'ah hasanah, jadi bid'ah ini dinamakan bid'ah huda iaitu bid'ah hasanah.

- b) Bid'ah Dhalalah" iaitu apa yang disifatkan oleh Nabi Muhammad SAW dengan sabdanya:

⁴³ Riwayat Imam Muslim dalam Soho Bukhari, Jilid 4, bilangan 2059.

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً فَلَهُ وَزْرُهَا وَوَزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا
 مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ .

Maksudnya: Sesiapa yang mempelopori atau membuat sunnah yang tidak baik dalam Islam dan dilakukan selepasnya, maka baginya dosa dan dosa orang yang melakukan selepasnya tanpa mengurangkan dosanya sedikit pun.

Dimaknakan sunnah saiyyi'ah dalam hadis ini dengan bid'ah dhalalah (bid'ah yang sesat).⁴⁴

Kedua.

Rasulullah SAW mengkhususkan setiap bid'ah itu sesat dengan bid'ah saiyyi-ah atau dhalalah, dengan mencantumkan di antara beberapa hadis. Ini yang difahami oleh para sahabat ketika mereka membuat bid'ah hasanah yang tidak bertentangan dengan asal syarak bahkan selari dengan kehendak syarak di mana apa yang mereka lakukan bukan mereka-reka sesuatu yang baru atau mencipta agama baru sebagaimana dakwaan sesetengah golongan.

⁴⁴ Ibid, Jilid 4, bilangan 2059

Akan dijelaskan contoh-contoh dari amalan para sahabat yang menjelaskan mereka memahami penjelasan Nabi SAW dalam soal bid'ah itu terbahagi kepada bid'ah hasanah dan bid'ah saiyyi-ah atau dhalalah.

Imam Al-Nawawi menjelaskan: Sabda Rasulullah SAW setiap bid'ah itu sesat, walau bagaimanapun ia terdapat pengkhususan iaitu bid'ah-bid'ah yang diharuskan.⁴⁵

Pendapatnya ini dikuatkan ketika menghuraikan apa yang diriwayatkan oleh Muslim dalam sahihnya:

(مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً)

Beliau mengatakan bahawa hadis ini menggesa supaya melakukan kebaikan dan menyuruh membuat sesuatu yang baik dan melarang sesuatu yang batil dan yang dikeji. Dalam hadis ini mengkhususkan sabdanya:

(كُلُّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ)

Apa yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah rekaan yang batil dan bid'ah yang dikeji.

Al-Hafiz Ibnu Rejab dalam syarahnya mengenai hadis:

وَأَيُّكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ فَإِنَّ كُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ

⁴⁵ An-Nawawi dalam Syarah Muslim Jilid 6, hal. 154.

Maksudnya: Hendaklah kamu mengelakkan perkara-perkara baru yang diada-adakan kerana setiap bid'ah itu sesat.

Yang dimaksudkan dengan bid'ah dhalalah ialah apa juga ciptaan baru yang tidak ada asas langsung dalam syariah (al-Quran dan sunnah) yang boleh dipegang. Adapun perkara yang ada asas daripada syarak yang boleh dijadikan pegangan, maka ia bukanlah dinamakan bid'ah dhalalah sekalipun dari segi bahasa dinamakan bid'ah.⁴⁶

Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW merupakan orang yang paling memahami bahasa Arab yang telah diberikan oleh Allah jawami' al-kalim, maka jika sekiranya setiap bid'ah itu masuk neraka tanpa ada perbezaan antara yang baik dengan yang buruk nescaya baginda hanya bersabda 'setiap bid'ah itu masuk neraka', tetapi di sini baginda mengaitkan bid'ah dengan 'bid'ah yang sesat', kalau begitu halnya, maka renung-renungkanlah!

Kedua: Nabi Muhammad SAW tidak melakukan kesemua perkara yang harus kerana terlalu banyak bidangnya. Apa yang dilakukan kebanyakannya sebagai menjawab soalan yang dikemukakan kepada baginda SAW.

⁴⁶ Ibnu Rejab dalam Syarah Ibnu Rejab Ala Al-Arbain An-Nawawiah.

Sesiapa yang mendakwa pengharaman sesuatu dengan dakwaan bahawa Nabi SAW tidak melakukannya, maka beliau membuat dakwaan yang tidak berasas dan dakwaannya ditolak.⁴⁷

Tambahnya lagi: Sebagaimana maklum bahawa Nabi SAW tidak melakukan semua perkara yang harus kerana kebanyakan masanya dihabiskan dengan tugas-tugas yang lebih penting seperti menyampaikan dakwah, berdebat dengan kaum musyrikin dan ahli-ahli kitab, memerangi golongan kafir untuk menjaga kesucian Islam, mengadakan perjanjian damai dan perdamaian sementara, melaksanakan hukum hudud, melepaskan tawanan perang, mengirim petugas-petugas untuk memungut zakat, menyampaikan hukum dan sebagainya yang amat diperlukan dalam proses membangun negara Islam, dan menentukan hala tujunya. Malahan baginda meninggalkan setengah perkara-perkara yang harus dengan sengaja dikhuatiri menjadi suatu yang didakwa fardhu ke atas umatnya atau menyusahkan mereka sekiranya baginda melakukannya.

Justeru itu, Rasulullah SAW cukup dengan menggunakan nas yang umum sahaja bagi semua jenis perkara yang harus sejak kedatangan Islam hinggalah ke

⁴⁷ Abdullah Ibn As-Siddiq Al-Ghamari dalam kitab *Itqan As-Son'ah Fi Tahqiq Makna Al-Bid'ah*, hal. 9.

hari kiamat, umpamanya dijelaskan dalam surah Al-Baqarah ayat 197:

وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ

Maksudnya: Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah.

Firman Allah dalam Surah Al-An'am ayat 160:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا

Maksudnya: Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya.

Firmannya lagi dalam surah Al-Haj ayat 77:

وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ

Maksudnya: Serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

Firmannya lagi dalam surah As-Syura ayat 23:

وَمَنْ يَفْتَرِ حَسَنَةً نَّزَدْ لَهُ فِيهَا حُسْنًا

Maksudnya: Dan sesiapa yang mengerjakan sesuatu perkara yang baik, Kami tambah kebaikan baginya (dengan menggandakan pahala) kebaikannya itu.

Firmannya dalam surah Az-Zilzalah ayat 7:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ...

Maksudnya: Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surah amalnya)!

Terdapat beberapa hadis Nabi dalam bentuk sedemikian, maka sesiapa yang mendakwa orang yang melakukan perkara baru yang baik (tidak dilakukan di zaman Nabi) ia melakukan bid'ah yang dikeji sesungguhnya pendapat tersebut adalah salah dan biadap terhadap Allah dan RasulNya kerana menghina apa yang diharuskan mengikut ayat Al-Quran dan hadis yang umum maknanya.

Ketiga: Pembahagian Bid'ah

Imam Nawawi membahagikan bid'ah kepada 5 jenis, iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus.

- Yang wajib: Ulama Mutakallimin (ulama tauhid) menyediakan dalil-dalil untuk menolak fahaman mereka

yang tidak mempercayai adanya Allah, mereka yang mengadakan agama baru dan seumpamanya.

- Yang sunat: Mengarang kitab ilmu pengetahuan, membina sekolah, madrasah dan lain-lain lagi bentuk amalan yang baik.
- Yang harus: mempelbagaikan jenis makanan dan seumpamanya.
- Yang haram dan makruh: kedua-duanya jelas.⁴⁸

Al-Hafiz Ibnu Hajar Al-'Asqalani daripada Al-Izzi bin Abdul Salam diakhir kitabnya 'Al-Qawa'id' menjelaskan perkara yang serupa.⁴⁹

Keempat:

Contoh-contoh bid'ah hasanah yang dibuat oleh para sahabat selepas zaman Nabi SAW.

Sesungguhnya para sahabat Nabi SAW banyak melakukan perkara-perkara bid'ah hasanah di mana ia termasuk di bawah umum sabda Nabi SAW: *مَنْ سَنَّ سُنَّةً حَسَنَةً*

Ertinya: Sesiapa yang melakukan sunnah yang baik. Ianya mempunyai sumber daripada asas syariah.

Antara perkara-perkara tersebut ialah:

⁴⁸ Imam An-Nawawi dalam Syarah An-Nawawi 'Ala Muslim Jilid 6, hal. 154.

⁴⁹ Fath Al-Bari Jilid 13, hal. 254.

1. Usaha Saiyidina Omar Al-Khattab (r.a) mengumpulkan orang ramai berjemaah solat Tarawih, manakala beliau melihat orang ramai, Saiyidina Omar berkata: Sebaik-baik bid'ah ialah yang ini (Solat Tarawih berjemaah).⁵⁰

Al-Hafiz Ibnu Hajar Al-Asqalani dalam kitab 'Al-Fath' semasa menjelaskan ucapan Saiyidina Omar: 'Sebaik-baik bid'ah ialah yang ini'. Bid'ah asalnya ialah apa jua perkara baru yang tidak ada contoh sebelumnya. Mengikut syarak bila ia bertentangan dengan sunah ianya sesat. Mengikut penilaian, bid'ah ini jika sekiranya termasuk di bawah perkara-perkara yang dikira baik mengikut syarak maka ia adalah baik, dan jika sekiranya termasuk di bawah perkara-perkara yang keji pada syarak maka ia adalah sesat, jika tidak termasuk di bawah perkara-perkara yang keji pada syarak ia termasuk dalam perkara yang harus, ia telah dibahagikan kepada hukum yang lima.⁵¹

2. Mengumpulkan Al-Quran di zaman pemerintahan Saiyidina Abu Bakar (r.a) hasil cadangan daripada Saiyidina Omar, cerita mengenainya masyhur.⁵²

⁵⁰ Kisah ini diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dalam kitab Sahih Al-Bukhari, Jilid 2, hal. 707.

⁵¹ Fath Al-Bari, Jilid 4, hal. 253.

⁵² Diceritakan oleh Imam Al-Bukhari dalam kitab Sahih Al-Bukhari, Jilid 4, bilangan 1720.

Dari sini jelas bahawa sesiapa yang mengatakan apa juga perkara yang tidak dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dihukumkan haram terus, ia sebenarnya pendapat yang radikal dan salah. Malahan ada di antara perkara tersebut yang buruk mengikut syarak iaitu haram atau makruh. Ada juga yang baik mengikut syarak iaitu wajib atau sunat. Sekiranya tidak sedemikian hukumnya nescaya apa yang dilakukan oleh Saiyidina Abu Bakar dan Omar Al-Khattab (r.a) sudah tentulah hukumnya haram, lantaran itu jelaslah batal dan salahnya dakwaan yang sedemikian.

3. Saiyidina Othman bin Affan (r.a) menambah azan kedua pada sembahyang Jumaat.

Imam Al-Bukhari dalam hadis Sahihnya meriwayatkan tentang kisah sebab ditambah azan kedua ialah kerana apabila orang Islam semakin ramai, maka Saiyidina Othman menambah azan kedua pada hari Jumaat dan menyuruh melaksanakannya di Al-Zaura' iaitu sebuah masjid di perkampungan kawasan Madinah.

Adakah boleh kita mendakwa bahawa Saiyidina Othman bin Affan (r.a) yang disokong oleh para sahabat itu mereka semua bid'ah dan sesat?

Antara bid'ah hasanah ialah mengadakan solat tahajjud di masjid Mekah dan Madinah secara berjemaah setiap malam bulan Ramadhan, mengkhatamkan Al-Quran dalam sepanjang solat Tarawih dan sebagainya yang dengannya dikiaskan sambutan Maulidur Rasul dengan syarat tidak berlaku perkara yang mungkar di dalamnya termasuk zikrullah dan melakukan perkara-perkara yang harus.

Andainya kita menerima dakwaan umum sifat dhalalah ke atas semua perkara baru, maka kita wajib membatalkan pengumpulan Al-Quran dalam satu mushaf, kita perlu membatalkan solat Tarawih berjemaah, tidak boleh azan kedua pada hari Jumaat, dan kita mengatakan bahawa para sahabat semuanya bid'ah dan sesat.⁵³

⁵³ Dr. Omar Abdullah Kamil dalam *Kalimah Hammah fi Al-Ihtifal Bi Al-Maulid*, 2005, Dar Al-Mustaffa Li At-Thab'i wa Al-Nasyr wa Al-Tauzi', hal. 618.

**BAB
3**

**PENDAPAT ULAMA
DAN BUKU-BUKU KARANGAN MEREKA
MENGENAI MAULIDUR RASUL**

Mukadimah

Banyak tokoh-tokoh ulama tersohor yang diakui keilmuannya, kehebatan dan kesolehannya mengakui keharusan sambutan Maulidur Rasul dan membuktikannya dengan hujah-hujah seperti Al-Hafiz Abi Al-Khattab bin Dahyah, Al-Hafiz Ibn Hajar Al-Asqalani, Al-Hafiz Jalaluddin Al-Sayuti, Al-Hafiz Syamsuddin bin Al-Jaziri, Al-Hafiz Abu Taib Muhammad Ibn Ibrahim Al-Sabti Al-Maliki dan lain-lain lagi ulama Islam yang mengharuskan dan ikut mengadakan sambutan Maulidur Rasul SAW.

Ramai di antara mereka menulis kitab yang dinamakan dengan Sambutan Maulid. Antaranya ialah:

- Al-Waqidi telah menyusun kitab mengenai Sirah Nabawi dan kitabnya terkenal dengan nama Maulid Al-Waqidi.
- Al-Ja'bari dengan kitabnya Maulid al-Kiram li Maulid Al-Nabi 'Alaihi Al-Salam.
- Ahmad Al-Gharnathi – Dzillul Yamamah Fi Maulid Saiyidi Tuhamah.

Untuk makluman bahawa semua kitab di atas merupakan kitab yang berkaitan dengan Sirah Nabi yang mulia. Begitu juga dengan Ibn Kathir murid Al-Syeikh Ibn Taimiyah telah menulis kitab mengenai Maulid yang dimasukkan di dalam salah satu kitabnya.

- Al-Hafiz Syamsuddin bin Al-Jaziri – 'Urfu At-Ta'rif Bil Maulid Al-Syarif.
- Imam Al-Sayuti – Husnul Maqshadi Fi 'Amali Al-Maulid.⁵⁴

⁵⁴ Ibid, hal 622-623.

Sambutan Maulidur Rasul di Bulan Rabiul Awal

Timbul persoalan mengenai amalan sambutan Maulidur Rasul di bulan Rabiul Awal, apakah hukumnya dari segi syarak? Adakah ia boleh atau tidak? Dan adakah diberi pahala kepada pelakunya atau tidak?

Pendapat penulis, kata Dr. Omar Abdullah Kamil, penulis *Kalimah Hammah Fi Al-Ihtifal Bi Al-Maulid*: Bahawa asal sambutan Maulidur Rasul itu ialah orang ramai berkumpul untuk mendengar bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, mendengar kisah sirah Nabawi dari awal kelahiran, sejarah kehidupan, kenabian dan dakwahnya menegakkan agama Allah, kemudian menikmati jamuan makan dan akhirnya bersurai, tidak lebih daripada itu. Ia daripada bid'ah yang baik yang diberikan ganjaran ke atas mereka yang melakukannya kerana di dalamnya mengandungi unsur mengagungkan Nabi SAW, melahirkan kegembiraan dengan keputeraan baginda.

Syiekh Al-Islam Hafiz Ibn Hajar telah ditanya mengenai sambutan Maulidur Rasul dan dijawab seperti berikut: Asal sambutan Maulidur Rasul itu adalah bid'ah kerana tidak diambil daripada ulama' salaf al-salih sepanjang tiga kurun yang lalu (dari zaman Nabi SAW hingga tahun 300 Hijrah selepas baginda), tetapi walaupun begitu sambutan ini mengandungi kebaikan, maka sesiapa yang melakukan

sambutan dengan pengisian yang baik dan menjauhi perkara-perkara yang dilarang, ia merupakan bid'ah hasanah. Ibnu Hajar berhujah mengenainya berdasarkan hadis sahih bahawa Nabi SAW apabila tiba di Madinah mendapati orang-orang Yahudi berpuasa pada hari 'Asura, lalu Nabi berpuasa dan menyuruh para sahabat berpuasa pada hari 'Asyura. sebagaimana yang telah dijelaskan dalam membicarakan dalil mengenai Maulidur Rasul.

Imam Ibn Hajar Al-'Asqalani dalam kitabnya *Ad-Durar Al-Kaminah Fi A'yan Al-Miatis Thaminah*, daripada Ibnu Kathir mengatakan: Pada zaman akhir hayatnya beliau menyusun kitab bertajuk *Maulidur Rasul* yang terkenal ke serata pelusuk rantau, kitab ini mengharuskan dan mengesa diadakan sambutan Maulidur Rasul.

Beliau berkata lagi: Sesungguhnya malam keputeraan Nabi SAW merupakan malam yang berkat dan mulia ke atas orang-orang yang beriman, suci, melahirkan cahaya yang gilang gemilang.⁵⁵

Imam Al-Subqi mengatakan: Ketika kita mengadakan sambutan Maulidur Rasul akan menjinakkan hati kita kepada baginda dan kita merasai sesuatu yang diluar kebiasaan.

⁵⁵ Ibnu Hajar Al-Asqalani dalam kitab *Ad-Durar Al-Kaminah Fi A'yan Al-Miatis Thaminah*, hal 19.

Imam Al-Syaukani dalam kitabnya *Al-Baidr At-Tali'* mengatakan: Sesungguhnya sambutan Maulidur Rasul adalah harus. Beliau menyebut bahawa Al-Mulla Ali Al-Qari mempunyai pandangan sendiri dalam kitabnya *Al-Maurid Al-Ruwa Fi Al-Maulid Al-Nabawi* telah mengkhususkan satu tajuk untuk menyokong sambutan Maulidur Rasul.

Ibn Al-Qaiyim dalam kitabnya *Madarij As-Salikin* berkata: Mendengar suara yang merdu di majlis sambutan Maulidur Rasul atau apa juga majlis keagamaan yang lain akan memberikan rasa ketenangan ke dalam jiwa, memberikan cahaya ke dalam hati para pendengarnya dan mendapat rahmat dan keberkatan daripada baginda.⁵⁶

Imam Al-Sakhawai berkata: Maulidur Rasul bermula selepas tiga dekad wafatnya baginda Rasulullah SAW, semua umat Islam mengadakan sambutan Maulidur Rasul sebagaimana ianya diterima oleh semua ulama sebagai beribadah kepada Allah sahaja dengan banyak bersedekah dan membaca sirah Nabi SAW.

Imam Abu Syamah Al-Maqdisi dalam kitabnya *Al-Ba'ith 'Ala Inkar Al-Bida' Wa Al-Hawadith* menyokong sambutan Maulidur Rasul dengan katanya: Perkara bid'ah yang paling baik di zaman ini ialah amalan yang dilakukan bertepatan

⁵⁶ Ibnu Al-Qaiyim dalam *Madarij al-Salikin*, hal.498.

dengan hari keputeraan baginda Rasulullah SAW seperti bersedekah, membuat kebajikan, menzahirkan perhiasan yang indah-indah dan bergembira, amalan sedemikian walaupun tujuannya bersimpati dengan fakir miskin tetapi ia sebagai lambang kasihnya seseorang kepada Rasulullah SAW.

Tidak ada seorang pun ulama di zaman Abi Syamah (wafat tahun 665 Hijrah) yang menyanggah apa yang dikatakannya, ini menunjukkan ia menyokong amalan sambutan Maulidur Rasul.

Abdullah bin Mas'ud (r.a) berkata: Apa yang dilihat oleh orang muslim itu baik maka baiklah di sisi Allah. Disahkan oleh Al-Hakim dalam Al-Mustadrak.⁵⁷

Ibn Taimiyah⁵⁸ mempunyai pendapat yang menarik mengenai sambutan Maulidur Rasul sebagaimana dalam kitab Al-Fatawa katanya: Berhimpun untuk melakukan ketaatan dan ibadat ada dua jenis, pertamanya Sunat Rawatib, sama ada wajib atau sunat seperti solat lima waktu, solat Jumaat dan dua hari raya, solat gerhana, solat

⁵⁷ Dr. Omar Abdullah Kamil dalam Kalimah Hammah fi Al-Ihtifal Bi Al-Maulid, 2005, Dar Al-Mustaffa Li At-Thab'i wa Al-Nasyr wa Al-Tauzi', hal. 625-626.

⁵⁸ Ibnu Taimiyah walaupun beliau sebagai idola kepada golongan Wahabi dalam kebanyakan hal, tetapi dalam soal Maulidur Rasul mempunyai pandang yang boleh diterima (penyusun).

minta hujan, solat Tarawih, ini sunat rawatib yang sayugia dipelihara dan berterusan.

Keduanya, sunat yang bukan sunat rawatib seperti berhimpun menunaikan solat sunat seperti Qiamullail, membaca Al-Quran, zikrullah atau berdoa, ia tidak mengapa kerana biasanya bukan dilakukan sebagai sunat rawatib.

Nabi SAW solat sunat kadang-kadang berjemaah dan tidak dilakukan secara berterusan. Para sahabat Nabi SAW bila berkumpul mereka meminta salah seorang daripada mereka membaca dan yang lain mendengar.... dalam hadis yang terkenal diriwayatkan bahawa para malaikat mengelilingi mereka yang mengikuti majlis zikir.

Maka jika sekiranya satu kaum berhimpun pada satu malam untuk solat sunat bukan dijadikan sebagai kebiasaan rawatib menyerupai sunat rawatib tidaklah dilarang... demikian juga halnya dengan malam sambutan Maulidur Rasul dan lainnya.

Dari pendapat Ibnu Taimiyah ini suka dijelaskan: Tidak mengapa orang yang melakukan sambutan Maulidur Rasul mengikut sahaja kepada orang yang berjihad atau bertaklid semuanya mendapat ganjaran ke atas niatnya yang baik dan ke atas amalannya yang disuruh oleh syarak sekalipun ia mengandungi unsur bid'ah tetapi dimaafkan jika ijihad dan taklidnya tidak tepat.

Demikian juga kesemua faedah-faedah yang disebutkan itu boleh diperolehi kerana ia termasuk apa yang dibenarkan oleh syarak dari segi jenis amalan seperti puasa, zikir, membaca Al-Quran, ruku', sujud, tujuan yang baik dalam beribadat kepada Allah, taat dan berdoa kepada Allah sekalipun ada unsur makruh di dalamnya.

Pelakunya dimaafkan kerana ijtihad yang dilakukan atau kerana taklidnya. Pemahaman sedemikian terdapat pada setengah bid'ah yang makruh sebagaimana dijelaskan di atas. Tetapi keadaan ini tidak menafikan ianya dibenci dan ditegah melakukannya, dan menggantikannya dengan apa yang dibenarkan oleh syarak tanpa mengandungi apa-apa bid'ah sebagaimana orang-orang yang menambah azan pada sembahyang dua hari raya mereka itu serupa keadaannya.⁵⁹

Dalam kitab ini juga Ibnu Taimiyah berkata: Maka mengagungkan Maulidur Rasul dan menjadikannya amalan bermusim sebagaimana yang banyak dilakukan ia mendapat ganjaran yang besar kerana niatnya yang baik dan bertujuan mengagungkan Rasulullah SAW.⁶⁰

⁵⁹ Ibnu Taimiyah dalam kitab Al-Fatawa, Jilid 23, hal 132.

⁶⁰ Ibid, Jilid 23, hal. 134.

GAMBARAN MENGENAI SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

Sesungguhnya mengingati Nabi Muhammad SAW dan mencintai baginda itu wajib dilakukan pada setiap masa dan ketika bukan hanya pada bulan dan malam keputeraan baginda sahaja. Kerana tujuan diadakan sambutan Maulidur Rasul itu adalah untuk mengingati sirah kehidupan dan perjuangan baginda dan membanyakkan berselawat ke atasnya.

Ini bukan tertentu pada malam hari keputeraannya sahaja, kerana ia wajib dilakukan pada setiap masa dan ketika. Pada bulan ini para pendakwah pula perlu bersemangat untuk menemui orang ramai dan mengumpulkan mereka dengan semangat yang berkubarkubar mengenai masa silam dengan menekankan kepada generasi muda dan meminta orang yang hadir menyampaikan kepada mereka yang tidak hadir.

Para ulama yang mengharuskan sambutan Maulidur Rasul itu telah sepakat bahawa tidak ada seorang pun daripada mereka yang berkata ia menambah bilangan hari raya selain daripada hari raya fitrah dan hari raya korban.

Kebanyakan kisah sambutan Maulidur Rasul itu dipetik daripada kitab sirah Nabi SAW. Sekalipun terdapat pandangan yang dhaif (lemah) ahli hadis tidak mensyaratkan mengenai sirah Nabi sebagaimana yang disyaratkan pada ilmu hadis, walau bagaimanapun kita diminta membersihkannya daripada sebarang perkara yang mungkar dan salah.

Perhimpunan sambutan Maulidur Rasul merupakan satu pendekatan paling berkesan berdakwah kepada Allah SWT dan tidak sewajarnya diabaikan malahan setiap pendakwah mestilah mengingatkan umat manusia kepada Nabi SAW tentang akhlaknya dan sirah perjalanan hidupnya, lantaran orang yang tidak berpeluang mendapat ilmu pengetahuan mengenainya sebenarnya ia tidak mendapat manfaat daripada sambutan Maulidur Rasul.

Adapun aktiviti sambutan Maulidur Rasul sewajarnya menekankan rasa syukur kehadiran Allah SWT dengan pengisian seperti membaca ayat-ayat suci Al-Quran, nasyid memuji Allah dan RasulNya, ceramah agama atau tazkirah mengenai sirah Nabi untuk menggerakkan hati bagi melakukan amalan yang baik dan beramal untuk akhirat.

Adapun jika sekiranya ada perkara yang dianggap remeh, perlu dijelaskan di sini jika perkara tersebut hukumnya harus yang boleh membawa kebaikan dan

kegembiraan tidak mengapa dimasukkan dalam agenda. tetapi jika sekiranya perkara itu haram atau makruh hendaklah ditegah daripada dilakukan atau dimasukkan dalam agenda sambutan.

Kita tidak boleh menyamakan sambutan Maulidur Rasul yang tidak mengandungi perkara-perkara yang haram yang ditegah oleh syarak dengan sambutan yang mengandungi perkara-perkara yang haram.

Apa yang dijelaskan di atas mengenai keharusan sambutan Maulidur Rasul itu adalah pada sambutan yang tidak mengandungi sebarang perkara yang mungkar dan dikeji yang perlu dicegah dan ditolak.

Adapun sambutan Maulidur Rasul yang mengandungi sesuatu yang ditegah seperti adanya percampuran antara lelaki dan wanita tanpa batas, banyak berlakunya pembaziran di mana tidak syak lagi hukumnya haram dan perlu dicegah selama mengandungi perkara-perkara yang diharamkan. Walaupun begitu pengharaman itu adalah mendatang iaitu berpunca dari pergaulan tanpa batas bukan zatnya iaitu sambutan Maulidur Rasul itu sendiri.

Kebanyakan umat Muhammad mengadakan sambutan pada hari tersebut dan mengagungkannya berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah Al-Haj ayat 32:

ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظِمَ شَعْنِ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ

Maksudnya:

Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati Syi'ar-syi'ar agama Allah, maka (dialah orang yang yang bertaqwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mu'min.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada hujah-hujah dan huraian di atas maka dapat disimpulkan seperti berikut:

Dari segi hukum: Sambutan Maulidur Rasul adalah dibolehkan oleh syarak dan ada yang menghukumkan sunat seperti Imam Al-Sayuti.

Dari segi manfaat dubyawi:

- i. Sambutan ini dapat menyatupadukan umat Islam setempat.
- ii. Dapat mengukuhkan hubungan silaturrahim sesama umat Islam.
- iii. Dapat menyampaikan mesij dan pengajaran agama kepada masyarakat dalam bilangan yang ramai.
- iv. Dapat muhasabah diri melalui ceramah atau forum yang diadakan sempena menyambut hari kelahiran junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW.
- v. Dapat memperkukuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
- vi. Dapat membasmi segala ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.